

# Keputusan PM letak jawatan sudah lama difikirkan

UM 23 JUN 2002

KUALA LUMPUR 22 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad membuat keputusan untuk meletakkan semua jawatan dalam parti dan kerajaan kerana berpendapat beliau sudah lama memegang jawatan sebagai Presiden UMNO.

Selain itu menurut Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Dr. Mahathir juga memberitahu beliau dan anggota Jawatankuasa Pengurusan UMNO yang menemuinya bahawa keputusan itu merupakan pendirian tegasnya yang sudah lama difikirkan.

“Beliau telah beritahu kami tadi, itu adalah keputusan yang beliau ambil dan beliau berkata beliau dah lama jadi Presiden parti iaitu selama 21 tahun.

“Beliau gembira pada waktu ini kedudukan parti memang sudah baik, kukuh dan telah dipulihkan maka dengan itu, inilah masanya beliau perlu membuat keputusan seperti yang telah diumumkan itu,” katanya.

Abdullah yang juga Timbalan Presi-

Ditanya apakah pengumuman peletakan jawatan Dr. Mahathir itu mengikut peraturan UMNO, beliau berkata: “Sesiapa juga berhak untuk mengemukakan peletakan jawatan bila-bila masa, terserah kepada individu tersebut untuk membuat keputusan.”

Ketika menceritakan detik-detik beliau dan anggota Jawatankuasa Pengurusan UMNO menemui Dr. Mahathir di Bilik Perdana, PWTC, Abdullah berkata, mereka telah bergegas untuk menemui Perdana Menteri bagi memujuknya.

“Kami telah melahirkan pandangan parti dalam hal ini dan menjelaskan secara spontan bahawa parti masih mahu beliau memimpin UMNO dan terus memegang semua jawatan dalam parti dan kerajaan,” katanya.

Abdullah berkata, mereka mengambil masa yang panjang untuk memujuk Perdana Menteri supaya dapat memahami perasaan ahli-ahli UMNO yang tidak mahu beliau meletakkan jawatan.

den UMNO menyatakan demikian selepas mempengerusikan mesyuarat tergempar Majlis Tertinggi UMNO, di Ibu Pejabat parti itu, di sini, hari ini.

Beliau berkata, Dr. Mahathir membuat keputusan itu tanpa berunding atau memberitahu sesiapa kerana memahami bahawa tiada sesiapa pun yang akan bersetuju.

“Apa yang dia (Dr. Mahathir) beritahu saya, dia kata dia tidak ada peluang untuk letak jawatan jika berunding dengan sesiapa, tiada sesiapa yang akan kata ‘ya’...itulah dia ambil keputusan bersendirian.

“(Malah) ahli-ahli keluarga Dr. Mahathir juga tidak mengetahui terlebih dahulu hasrat beliau itu, walaupun begitu, semua ahli keluarganya menyokong hasrat Dr. Mahathir untuk bersara,” katanya.

Abdullah berkata, Dr. Mahathir juga menegaskan tiada sesiapa di kalangan pemimpin UMNO yang telah menyebabkan beliau mengambil keputusan begitu.

“Itu keputusan Dr. Mahathir sendiri, beliau juga mengatakan telah berkhidmat 21 tahun, sudah lama berjasa dan bekerja untuk UMNO.

“Bagaimanapun kata Dr. Mahathir, beliau tidak berhajat untuk meninggalkan UMNO bahkan beliau akan terus berkhidmat untuk parti dan bantu parti,” katanya.

Beliau menegaskan, walaupun Dr. Mahathir menganggap itu pendirian tegasnya, tetapi pada pendirian pemimpin-pemimpin UMNO adalah lebih baik jika beliau terus berkhidmat sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri.

“Jadi setelah sekian lama kami memujuk beliau bersungguh-sungguh, beliau bersetuju dan mengakui menerima apa yang menjadi kehendak parti dan dengan itu telah meletakkan jawatan yang beliau akan terus memegang jawatan yang kini beliau pegang.

## Bersetuju

“Maka dengan itu saya dengan kebenaran Perdana Menteri membuat pengumuman dalam Perhimpunan Agung UMNO bahawa Dr. Mahathir telah bersetuju untuk tidak meletakkan jawatan,” katanya.

Ditanya mengenai keadaan Dr. Mahathir, Abdullah berkata: “Dia telah pulang ke rumahnya, saya fikir dia baik, tiada apa yang tidak kena terhadapnya. Dia terlalu sedih...menangis, awak boleh lihat ketika di Dewan Merdeka, dia terlalu emosional.”

Abdullah berkata, Majlis Tertinggi UMNO telah memutuskan bahawa semua anggotanya akan kembali ke negeri masing-masing dan memberi penjelasan kepada anggota bawahan parti mengenai perkara itu.

“Yang pentingnya ialah ketua bahagian perlu memahami dan menerima bahawa Dr. Mahathir akan terus memegang jawatannya seperti sekarang... tiada apa-apa perubahan dan dengan itu parti perlu bertenang dan tidak mengambil apa-apa tindakan yang menimbulkan suasana yang tidak baik dalam parti dan di samping itu terus dengan bekerja seperti biasa,” kata beliau.